

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
(SOALAN NO.7, NO.10 HINGGA NO. 75 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 9)**



**SOALAN NO.: 7****PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD**  
**KAWASAN : PASIR GUDANG**  
**TARIKH : 17 MAC 2015, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD (PASIR GUDANG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek menaik taraf Lebuh Raya Pasir Gudang Fasa 2 akan dimulakan. Berapa lama tempoh masa yang akan diambil bagi memastikan kerja-kerja tersebut siap dilaksanakan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf Jalan Persekutuan 17 (FT17) di Pasir Gudang, Johor telah diluluskan oleh Kerajaan dalam RMKe-10. Projek ini dilaksanakan secara berfasa di mana fasa pertama (Kangkar Tebrau ~ Plentong) sedang dalam peringkat pembinaan dan ia dijangka siap pada akhir tahun 2015.

Manakala Fasa 2 pula (Plentong – Sri Alam/Rinting – Masai) sedang melalui proses Makmal Pengurusan Nilai (VM). Proses VM ini telah dimulakan pada akhir bulan Februari lalu dan dijangka selesai pada akhir bulan ini (Mac 2015). Berdasarkan perancangan, projek fasa 2 Jalan Pasir Gudang ini dijangka akan ditender pada akhir bulan April 2015 manakala kerja-kerja pembinaan pula dijangka akan dimulakan pada bulan Ogos 2015. Tempoh pembinaan ialah selama 30 bulan.

Sekian. Terima kasih.

**SOALAN NO. 10****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM]**

**TARIKH : 17 MAC 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik wanita di peringkat pengurusan dan lembaga pengarah di sektor awam dan sektor swasta ikut pecahan jawatan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga Disember 2014, peratusan wanita yang menyandang jawatan utama sektor awam (JUSA) telah meningkat daripada 18.8 peratus pada tahun 2004 kepada 25.2 peratus pada tahun 2006 dan telah melonjak kepada 32.5 peratus pada tahun 2014. Daripada jumlah tersebut, terdapat 7 orang wanita yang menjawat jawatan sebagai Ketua Setiausaha Kementerian dan 27 orang wanita yang menjawat jawatan sebagai Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan dan Badan Berkanun. Selain itu, dalam bidang kehakiman sivil, jumlah Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman wanita adalah seramai 46 orang iaitu 35.7 peratus.

Berdasarkan data daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia, sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 16 peratus iaitu 3,513 orang daripada keseluruhan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) yang berjumlah 21,948 orang di syarikat awam (*Public Companies*) adalah wanita. Syarikat awam merangkumi syarikat tersenarai awam (*Public Listed Companies*) yang mana peratus ALP wanita adalah sebanyak 10.2 peratus dan syarikat tidak tersenarai awam (*Non-Public Listed Companies*) yang

mana peratus ALP wanita adalah sebanyak 18 peratus. Daripada jumlah tersebut, jumlah *placement* wanita sebagai Pengurus (*Chairman*) adalah 15 *placement* dan *placement* sebagai Ketua Pengarah Eksekutif / Ketua Pegawai Eksekutif (*Chief Executive Director / Chief Executive Officer*) adalah 12 *placement*.

Bagi syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan, sehingga November 2014, jumlah ALP wanita adalah 123 orang iaitu 17 peratus.

Dalam sektor perbankan, sehingga Oktober 2014, ALP wanita adalah seramai 57 orang iaitu 7.9 peratus.

Dalam meneruskan usaha meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat, *Women Directors' Convention* telah diadakan pada 9 Disember 2014 di *Kuala Lumpur Convention Centre*. Semasa konvensyen ini, lima (5) inisiatif utama telah dikenal pasti dan dipersetujui untuk dilaksanakan seperti berikut:

- i) memberi pengiktirafan kepada syarikat-syarikat yang telah mencapai sasaran 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan;

- ii) mengadakan rangka kerja *mentoring* bagi ahli lembaga pengarah wanita;
- iii) penubuhan *30 percent club*;
- iv) menggalakkan *Government-Linked Companies* (GLC) untuk mencapai sasaran 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan; dan
- v) meningkatkan *visibility* ahli lembaga pengarah wanita melalui pelbagai saluran (platform).

SULIT

8

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG  
[ TANJONG PIAI – BN ]**

**TARIKH : 17 MAC 2015 (SELASA)**

**SOALAN (NO. 11)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kos perbelanjaan yang diperuntukkan oleh Kementerian kepada setiap seorang atlet merangkumi elauh harian, makanan, penginapan dan lain-lain kos yang terlibat.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos perbelanjaan bagi seorang atlet negara yang menyertai program latihan secara sepenuh masa di bawah kendalian Majlis Sukan Negara dengan kerjasama Persatuan Sukan Kebangsaan adalah sebanyak RM3,250 seorang sebulan. Pecahan kos perbelanjaan yang dimaksudkan adalah seperti berikut :-
  - 1.1 Elaun latihan (purata) : RM 1,500.00 sebulan
  - 1.2 Makan (disediakan) : RM 900.00 sebulan
  - 1.3 Penginapan (disediakan) : RM 750.00 sebulan
  - 1.4 Pengangkutan : Mengikut jarak dan kawasan di Semenanjung Malaysia,  
Sarawak dan Sabah
  - 1.5 Insurans Berkelompok
  - 1.6 Latihan dalam dan luar Negara
  - 1.7 Kem Motivasi dan Jati Diri
2. Kos yang dinyatakan di atas adalah kos asas yang disediakan oleh pihak Majlis Sukan Negara secara bulanan dan ini tidak termasuk kos rawatan perubatan dan kos perkhidmatan sains sukan yang disediakan oleh pihak Institut Sukan Negara Malaysia serta kos-kos lain seperti kos penyertaan atlet ke kejohanan-kejohanan sukan di peringkat tempatan dan juga peringkat antarabangsa.

**SULIT**

3. Di samping perbelanjaan tersebut, MSN juga telah menyediakan skim insentif iaitu Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) kepada para atlet yang berjaya mencapai kejayaan di temasya sukan dan kejohanan di peringkat antarabangsa. Secara tidak langsung, insentif ini dapat memberikan motivasi luaran kepada mereka untuk lebih berjaya dan menjadi pendorong untuk mencipta kemenangan dalam apa jua pertandingan yang disertai.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN  
[ BUKIT KATIL ]**

**TARIKH : 17 MAC 2015**

**SOALAN :**

**YB Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [ Bukit Katil ] minta  
MENTERI KESIHATAN menyatakan:-**

- (a) adakah bayi yang tidak menerima vaksinasi akan membahayakan diri mereka dan juga kanak-kanak lain apabila “herd immunity” terhadap sesuatu penyakit berjangkit berkurangan ; dan
  
- (b) bagaimana Kementerian Kesihatan menangani masalah golongan ibu bapa yang menolak pemberian vaksinasi kepada bayi mereka terutamanya ibu bapa yang aktif menggunakan media dan laman sosial untuk tujuan penolakan tersebut

**Tuan Yang Di Pertua,**

Imunisasi telah terbukti berkesan dalam mencegah penyakit cegahan vaksin. Apabila sebahagian besar bayi dan kanak-kanak dalam komuniti telah dilindungi melalui imunisasi dengan kadar liputan imunisasi yang tinggi, bakteria atau virus penyakit cegahan vaksin tidak dapat merebak dalam komuniti tersebut. Kesan baik ini dikenali sebagai 'imuniti kelompok' atau *herd immunity*. Imuniti kelompok ini hanya dicapai jika lebih 90% kelompok berkenaan menerima perlalian.

Kesan penyakit berjangkit sangat berat termasuk kematian dan kecacatan kekal. Kita telah bebas dari penyakit polio dan tiada lagi kejadian kecacatan disebabkan polio kerana vaksin yang berkesan. Pada tahun 2011 dan 2012, wabak campak telah melanda negeri Sabah, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Sarawak. Akibatnya empat kematian di negeri Sabah akibat penyakit campak yang mudah dicegah melalui perlalian.

Akibat *herd immunity* yang berkurang ini telah menyebabkan wabak campak berlaku di California baru-baru ini dan di beberapa buah negara di Benua Eropah. Di negara China, pada tahun 2011 telah berlaku wabak polio yang juga disebabkan *herd immunity* yang rendah. Polio dengan kecacatan kekal masih bermasalah di Pakistan, Afghanistan dan Somalia akibat perlalian yang tidak sempurna.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyedari terdapat ibu bapa yang menolak imunisasi untuk bayi mereka. Dipercayai mereka telah terpengaruh dengan dakwaan-dakwaan negatif berkaitan vaksin dan imunisasi yang terdapat di media cetak dan media elektronik.

Salah satu dakwaan yang tersebar luas semenjak tahun 1998 adalah kejadian autism yang dikaitkan dengan imunisasi campak yang diterbitkan dalam *Journal Lancet* pada tahun 1998. Susulan dari itu, banyak kajian dibuat ke atas isu ini. Pada tahun 2010, *Journal Lancet* telah mengesahkan bahawa dakwaan tersebut adalah palsu dan dibuat dengan manipulasi data. Walau bagaimanapun, ramai yang masih percaya kepada dakwaan ini dan laporan asal tahun 1998 masih terus disebarluaskan walaupun terbukti salah. Kesannya, wabak measles yang berlaku di Benua Amerika dan Benua Eropah.

Selain itu, terdapat juga ibu bapa yang mempertikaikan kehalalan vaksin. KKM sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi mengeluarkan fatwa berkaitan penggunaan vaksin di kemudahan kesihatan KKM. Keputusan fatwa yang telus dibuat berdasarkan proses vaksin, keberkesanan dan keselamatan vaksin serta kepentingannya mencegah penyakit di Malaysia demi menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Justeru, KKM menasihatkan orang ramai supaya sentiasa mendapatkan maklumat dari sumber yang sahih. Sekiranya timbul sebarang keraguan atau memerlukan pengesahan maklumat, rujuk kepada kakitangan kesihatan.